


# ***OUTLINE***

- 
- 1** LATAR BELAKANG
  - 2** SKOP PENYELIDIKAN
  - 3** SKOP PEMBIAYAAN GERAN
  - 4** KRITERIA PEMILIHAN PENYELIDIK
  - 5** TANGGUNGJAWAB & PERANAN
  - 6** PEMANTAUAN & *DELIVERABLES*
  - 7** TATACARA PERMOHONAN

# LATAR BELAKANG

Program Kajian Jangka Pendek (KJP)

Kementerian Ekonomi menyediakan dana dalam bentuk geran penyelidikan kepada institusi pengajian tinggi tempatan bagi melaksanakan penyelidikan berkaitan pembangunan sosioekonomi dan kesejahteraan masyarakat.

## OBJEKTIF PROGRAM

1

Memperkasa IPT dengan mengiktiraf dan memanfaatkan kepakaran akademik dalam perancangan dan penggubalan dasar sosioekonomi negara, merentasi pelbagai bidang

2

memperkukuh sinergi antara Kementerian Ekonomi dan akademik.

# SKOP PENYELIDIKAN

## BIDANG KEUTAMAAN:

Sejajar dengan dasar, hala tuju dan KPI nasional serta Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang meliputi bidang-bidang pemacu sosioekonomi (contoh: RMKe-12, NETR, NIMP.dll).

## SKOP:

**1**

Merangkumi semua aspek pembangunan sosioekonomi termasuk penyelesaian masalah, pembangunan profail, kajian keberkesanan/impak, padanan inisiatif, pembangunan prosedur operasi standard (SOP), pembangunan penanda aras.dll.

**2**

Kajian kuantitatif atau kualitatif.

## TEMPOH KAJIAN:

**Maksimum enam (6) bulan.** Lanjutan tempoh kajian tidak dibenarkan.

# SKOP PEMBIAYAAN GERAN

## PEMBIAYAAN YANG DIBENARKAN

1. Bayaran Khidmat Kepakaran kepada penyelidik
2. Upah dan gaji pembantu penyelidik
3. Perjalanan dan pengangkutan
4. Sewaan peralatan
5. Pengubahsuaian kecil dan penyelenggaraan peralatan
6. Bekalan dan bahan penyelidikan
7. Aksesori dan peralatan khas
8. Perkhidmatan ikhtisas
9. Caj Pengurusan/ pentadbiran RMC (terhad 5% daripada nilai geran)



*\* Rujuk Garis Panduan Pelaksanaan Kajian Jangka Pendek Kementerian Ekonomi untuk perincian*

# SKOP PEMBIAYAAN GERAN

## PEMBIAYAAN YANG TIDAK DIBENARKAN

Peruntukan geran ini **tidak boleh** digunakan untuk perbelanjaan berikut melainkan telah mendapat kebenaran bertulis daripada Kementerian Ekonomi:

- 1 Perolehan peralatan ICT dan komunikasi
- 2 Perolehan perabot pejabat dan makmal seperti kerusi, meja, almari, peralatan makmal dan lain-lain
- 3 Sewaan ruang pejabat
- 4 Kos menghadiri persidangan/ seminar/ bengkel akademik dan penerbitan jurnal akademik
- 5 Pemfailan harta intelek dan seumpamanya
- 6 Lain-lain perbelanjaan yang tidak berkaitan secara langsung dengan kajian

\* Rujuk Garis Panduan Pelaksanaan Kajian Jangka Pendek Kementerian Ekonomi untuk perincian

# KRITERIA PEMILIHAN PENYELIDIK

**1**

Kajian hendaklah dilaksanakan oleh IPT. Keutamaan hendaklah diberikan kepada IPT Awam dan kemudian kepada IPT Swasta.

**2**

Ketua Penyelidik mestilah warganegara Malaysia dari kalangan kakitangan akademik sepenuh masa yang mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana.

**3**

Sekurang-kurangnya seorang ahli pasukan penyelidik mestilah berjawatan tetap dalam bidang kepakaran yang berkaitan dari Institusi yang sama.

**4**

Ketua Penyelidik dan ahli boleh memberikan komitmen penuh terhadap perancangan dan pelaksanaan kajian secara keseluruhan.

# TANGGUNGJAWAB & PERANAN

## Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Bahagian Pemohon

### **Pra-Pelaksanaan:**

- Mengenal pasti keperluan kajian dan pakar akademik dan IPT yang sesuai;
- Berurusan dengan penyelidik dan IPT tersebut untuk memperincikan terma rujukan dan cadangan kajian;
- Menyemak kertas cadangan IPT dan memastikan ia selari dengan keperluan Kementerian/Jabatan/Agensi/Bahagian;
- Mengemukakan permohonan kepada urus setia mengikut masa yang ditetapkan; dan
- Menghadiri Mesyuarat JKJP untuk pertimbangan permohonan kajian yang dikemukakan.

### **Pelaksanaan:**

- Memantau pelaksanaan kajian secara berkala bagi memastikan objektif kajian tercapai;
- Menghadiri secara fizikal semasa pembentangan dapatan kajian (Laporan Interim dan Laporan Akhir) kepada JKJP bersama-sama Ketua Penyelidik.

# TANGGUNGJAWAB & PERANAN

## Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) IPT

### Pra-Pelaksanaan:

- Menyelaras semua permohonan KJP daripada penyelidik IPT masing-masing;
- Menyemak dan memperakukan permohonan KJP termasuk perincian kos adalah teratur berdasarkan garis panduan/ peraturan/ pekeliling/ arahan yang berkuat kuasa;
- Mengemukakan permohonan kepada urus setia mengikut masa yang ditetapkan (bagi cadangan kajian daripada IPT sendiri); dan
- Menghadiri Mesyuarat JKJP untuk pertimbangan permohonan kajian yang dikemukakan.

### Pelaksanaan:

- Bertanggungjawab terhadap tadbir urus pelaksanaan kajian di peringkat IPT termasuk perbelanjaan kajian;
- Memantau pelaksanaan kajian secara berkala bagi memastikan objektif kajian tercapai; dan
- Bertindak sebagai *focal point* antara RMU, Kementerian Ekonomi dengan penyelidik bagi urusan pentadbiran kajian.



# PEMANTAUAN & *DELIVERABLES*

## PEMANTAUAN

- 1** Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Bahagian berkaitan bertanggungjawab memantau pelaksanaan KJP terutamanya yang melibatkan *substance* kajian.
- 2** Ketua Penyelidik hendaklah mengemukakan **laporan kemajuan bulanan** kepada RMU mengikut format yang ditetapkan.

## *DELIVERABLES*

- 1** **Laporan Interim** (dikemukakan genap separuh tempoh kajian)
  - 2** **Laporan Akhir** (dikemukakan pada akhir tempoh kajian)
- \* *Ketua Penyelidik wajib hadir untuk pembentangan Laporan Interim dan Laporan Akhir kepada JKJP.*

# TATACARA PERMOHONAN

Permohonan lengkap hendaklah dikemukakan kepada RMU, Kementerian Ekonomi berserta dokumen-dokumen berikut:

- 1** Terma rujukan kajian/ kertas cadangan penyelidikan
- 2** Anggaran kos kajian termasuk perincian
- 3** Cadangan kumpulan penyelidik dan maklumat setiap penyelidik

Semua permohonan termasuk perincian anggaran kos kajian hendaklah **disemak dan diperakukan RMC IPT masing-masing sebelum dikemukakan kepada RMU, Kementerian Ekonomi.**

# TATACARA PERMOHONAN

## PROSES PERMOHONAN

